

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan
Sent: 22 Mac 2017 16:41
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELAJAR BCIM HADIRI CEO FACULTY TALK PROGRAMME



**Pusat Pengajian
Pengurusan Industri Kreatif
dan Seni Persembahan**
SCHOOL OF CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT AND PERFORMING ARTS
Universiti Utara Malaysia

22 MAC 2017 / 23 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum/ Salam Sejahtera

Tuan/Puan/Saudara/Saudari

PELAJAR BCIM HADIRI "CEO@FACULTY TALK PROGRAMME"



SCIMPA Online : Seramai 16 orang pelajar program Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif [BCIM(Hons)] diiringi oleh dua (2) orang staf Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah menghadiri "CEO@Faculty Talk Programme" yang diadakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS) pada 28 Februari 2017 yang lalu.

Program CEO@Faculty Talk ini merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mengeratkan hubungan institusi pendidikan tinggi dengan industri. Ceramah disampaikan oleh Dato' Mohamed Tiar bin Sharif selaku CEO Q-Plex Communication Sdn. Bhd. Melalui CEO@Faculty Talk Programme ini, pelajar mendapat pendedahan tentang perniagaan dan peluang pekerjaan dalam industri Kreatif khususnya bidang filem dan animasi.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Jamil bin Saad, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis selaku wakil Menteri Besar Perlis. Program ini dimeriahkan lagi dengan persembahan oleh *Marhain Buskers* yang ahlinya terdiri daripada warga PTSS.

Selain UUM, beberapa institusi pendidikan lain turut dijemput menghadiri program ini seperti Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Politeknik Muadzam Shah serta sekolah-sekolah yang berhampiran.

Sekian.

=====

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 6451/6454
FAKS : 04 - 928 6455
scimpa.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.